



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF SOCIAL SCIENCES
AND
HUMANITIES

UHIS 1022 (FALSAFAH DAN ISU SEMASA) SEKSYEN 73

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN BERKUMPULAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NO. MATRIK
1. Hafiy Hakimi bin Saiful Redzuan	A20EC0040
2. Amna Batrisha binti Sham Shol Aripen	B20EC0007
3. Madihah binti Che Zabri	A20EC0074
4. Qaisara binti Rohzan	A20EC0133

NAMA PENSYARAH:
ABDUL HALIM BIN ZULKIFLI

ISI KANDUNGAN

Pengenalan	2
Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan	3
Peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	4
Faktor-faktor Pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	5
Elemen-elemen Falsafah Pendidikan Negara	7
Kesimpulan	9
Rujukan	10

Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan dasar pendidikan yang telah dan sedang dilaksanakan di negara kita iaitu Malaysia. Ia pernah dipanggil dengan nama Falsafah Pendidikan Negara pada suatu ketika dahulu. Seperti yang kita ketahui, pendidikan amat dititikberatkan dalam kehidupan setiap rakyat. Hal ini kerana ia merupakan suatu langkah yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepudu bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Kesannya, rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara dapat dilahirkan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan gabungan antara falsafah tradisional dan falsafah progresif. Ia digubal daripada pemikiran yang rasional dan kritis berdasarkan ideologi negara sepertimana yang telah dimanifestasikan dalam Laporan dan Dasar Pendidikan. Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah untuk menjelaskan secara rasional amalan-amalan pendidikan terkini serta membimbing tindakan dan corak pendidikan pada masa hadapan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan berfungsi sebagai panduan kepada pakar pendidikan atau pendidik untuk merancang sistem pendidikan berdasarkan konsep, idea dan matlamat pendidikan negara.

Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan sudah tentu digubal bagi merealisasikan sesuatu matlamat iaitu menjelaskan secara rasional amalan-amalan pendidikan terkini serta membimbing tindakan dan corak pendidikan pada masa hadapan. Hal ini bagi melahirkan seseorang rakyat atau warganegara Malaysia yang baik dan berguna kepada negara Malaysia. Dengan erti lain, melahirkan rakyat Malaysia yang memiliki serta menghayati ciri-ciri seperti percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, memiliki sahsiah yang sempurna dan memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum. Selain itu, diharapkan juga Malaysia dapat mencapai matlamat-matlamat lain melalui proses pendidikan seperti melahirkan rakyat yang taat setia kepada Raja dan cinta akan negara. Seterusnya, melahirkan rakyat yang memahami, menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara serta saling bertoleransi sesama kaum. Di samping itu, matlamat untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum seperti membekalkan kemudahan-kemudahan asas pendidikan kepada golongan B40.

Peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) memainkan peranan yang amat penting dalam sistem pendidikan negara seperti:

- 1) FPK digunakan sebagai dasar dan pertimbangan asas untuk menentukan kurikulum, bahan-bahan pelajaran dan strategi pengajaran.
- 2) FPK bertindak sebagai pengawal daripada aktiviti penyelewengan dalam sistem pendidikan negara.
- 3) Fpk dianggap seperti cahaya yang memberi panduan kepada usaha mengembangkan pendidikan menjadi dasar untuk Matlamat Pendidikan Negara.
- 4) FPK diguna pakai sebagai rujukan untuk membantu para pendidik memahami sistem pendidikan negara.
- 5) FPK merupakan panduan kepada pendidik bagi memahami kehendak dan tujuan sebenar sistem pendidikan negara.
- 6) FPK memberi bimbingan kepada pendidik sewaktu mereka menjalankan amanah mereka.

Faktor-faktor Pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dipengaruhi oleh beberapa faktor.

Faktor utama yang mempengaruhi pembentukan FPK adalah :

1) Faktor agama

Pertimbangan dalam mewujudkan insan yang harmonis, seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek berdasarkan agama dan kepercayaan masing-masing. Di Malaysia ,Terdapat pelbagai jenis agama seperti agama Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan Sikh. Jadi, Pembentukan FPK perlu mempertimbangkan faktor agama supaya selaras dengan semua agama yang dianuti rakyat Malaysia.

2) Faktor sosial

Keharmonian dan kemakmuran negara bergantung kepada amalan sikap toleransi, tolak ansur dan hormat menghormati sesama berbilang kaum. Sikap yang positif ini amat penting dalam usaha untuk mencapai perpaduan kaum dan keadaan sosial yang stabil.

3) Faktor politik

Pengaruh politik memainkan peranan yang penting dalam penentuan dasar pendidikan negara. Dengan itu, matlamat pencapaian perpaduan kaum menjadi pertimbangan asas dalam penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

4) Faktor ekonomi

Rakyat Malaysia yang terlatih dalam pelbagai bidang dapat membantu negara memperkembangkan ekonomi dengan meningkatkan daya pengeluarannya. Tujuan ini dapat dicapai dengan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, bertanggungjawab dan mampu untuk memberi sumbangan dalam mewujudkan negara yang sentiasa aman.

5) Faktor individu

Potensi individu dapat dikembangkan melalui proses pendidikan. Perkembangan potensi individu secara menyeluruh akan menjadi insan yang seimbang dan harmonis. Jadi, insan yang seimbang dan harmonis jiwanya akan sentiasa tenteram dan bersedia menghadapi cabaran hidup dengan tenang.

6) Faktor sejagat

Perkembangan Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga bergantung kepada perkembangan sistem pendidikan antarabangsa. Faktor ini telah menyebabkan sistem pendidikan digubal. Jadi, ia menepati kehendak ilmu seluruh dunia dan rakyat Malaysia tidak akan ketinggalan dalam semua aspek yang diketengahkan.

Elemen-elemen Falsafah Pendidikan Negara

Pendidikan merupakan sebuah proses di mana ilmu, kemahiran maupun nilai murni tersebut diperoleh dan dipindahkan dan berlaku secara berterusan hingga ke akhir hayat seseorang individu tersebut. Pendidikan awal kanak-kanak iaitu kanak-kanak yang berumur satu hingga enam tahun amat penting bagi membentuk asas sahsiah kanak-kanak tersebut. Sahsiah ini akan dibentuk dan berkembang sepanjang individu tersebut berada di alam persekolahan. Namun, seseorang individu tersebut masih dapat meningkatkan ilmu, kemahiran dan akhlak mereka selepas tamat alam persekolahan dengan mempunyai proses pendidikan yang berterusan dalam hidupnya. Kesannya, individu tersebut dapat mengadaptasi dengan pelbagai perubahan yang berlaku dalam hidupnya. Setiap individu telah dianugerahkan oleh Tuhan dengan bakat, potensi dan kebolehan yang mungkin terpendam dalam diri mereka. Oleh hal yang demikian, bakat, potensi dan kebolehan ini perlulah dicungkil dan ditingkatkan serta digunakan sebaik-baiknya. Antaranya melalui pendidikan. Justeru, seseorang individu dituntut untuk memiliki ilmu (intelektual), sahsiah yang baik (emosi), percaya kepada Tuhan serta mempunyai akhlak yang terpuji (rohani), dan kesihatan yang baik (jasmani). Jika seseorang individu tersebut dapat menyeimbangkan keempat-empat aspek berikut, maka individu yang hidup secara harmonis dengan diri maupun orang lain dapat dilahirkan.

Emosi

Setiap insan perlu mempunyai emosi yang stabil, memiliki dan berupaya untuk memupuk perasaan kasih sayang terhadap satu sama lain serta mempunyai semangat kekitaan dan perpaduan.

Rohani

Setiap rakyat perlu menyedari dan percaya kepada Tuhan. Hal ini boleh diamalkan dengan sentiasa bersyukur dan berterima kasih di atas pemberian Tuhan serta sentiasa berpegang kepada nilai-nilai murni bagi membentuk peribadi mulia.

Intelek

Setiap warganegara wajib memiliki kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira serta sentiasa berusaha untuk meluaskan ilmu sedia ada dan mampu berkongsi ilmu antara satu sama lain.

Jasmani

Sentiasa menyedari kepentingan kesihatan fizikal dan mampu mencungkil dan menggunakan bakat tersendiri untuk memberi manfaat kepada diri, keluarga dan masyarakat sekeliling.

Kesimpulan

Berdasarkan huraian-huraisan tersebut, jelaslah bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengandungi unsur-unsur penting untuk difahami, dihayati dan diamalkan oleh rakyat Malaysia dalam kehidupan seharian. Jadi, setiap rakyat perlu memainkan peranan penting bagi membantu usaha kerajaan dalam merealisasikan hasrat pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Para pendidik atau seseorang yang bergelar 'guru' perlulah bertindak kreatif dan produktif dalam melaksanakan sebarang aktiviti yang melibatkan pendidikan. Ibu bapa perlulah mendidik anak-anak mereka agar seimbang dari segi jasmani, emosi dan rohani sejak kecil lagi. Hal ini bertepatan dengan pepatah Melayu, "Melentur buluh biarlah dari rebungnya". Selain itu, pelajar juga perlulah mematuhi apa yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar dapat membentuk pelajar berlandaskan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kesimpulannya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlulah dihayati dan diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia dan bukannya sekadar memahami agar Malaysia menjadi negara yang dipandang tinggi.

Rujukan

- Kadir, A., Awang Abdullah, & Azizi Jaafar. (2014). *Falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur Freemind Horizons.
- KAMARULBAID, A. M. (2021, January 15). *Norma baharu pendidikan khas*. Utusan Digital.
<https://www.utusan.com.my/rencana/2021/01/norma-baharu-pendidikan-khas/>
- MALIK, D. M. (2021, January 25). *Pendidikan Malaysia di persimpangan*. Sinarharian.
<https://www.sinarharian.com.my/article/120737/KHAS/Pendapat/Pendidikan-Malaysia-di-persimpangan>
- Mat Diah, A. H. (2007). Falsafah Pendidikan dan di Peringkat Ijazah Tinggi di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 2(1), 31–53. <https://doi.org/10.22452/jat.vol2no1.2>